

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1985/86

STP 362 - Kesihatan dan Pemakanan

Tarikh: 8 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Sila jawab TIGA soalan sahaja, Satu dari tiap-tiap satu Bahagian, Bahagian I WAJIB dijawab.

Bahagian I: Wajib dijawab.

Pendekatan pembangunan komuniti dalam perkhidmatan kesihatan telah diterima sebagai salah satu alternatif yang berkesan.

- (i) Dengan memilih dua model pendekatan tersebut, analisakan ciri-ciri umumnya berbanding dengan ciri-ciri konvensional sebelum alternatif itu dipilih.
- (ii) Sekiranya anda dijadikan pekerja Kesihatan komuniti, apakah model yang akan anda pilih, dan bagaimanakah anda akan menjalankan pendekatan itu? Sila gunakan contoh.

(40 markah)

Bahagian II: Pilih dan jawab satu soalan sahaja.

1. Dengan menggunakan contoh, terangkan dan analisakan faktor-faktor utama yang mempengaruhi mal pemakanan, dan apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil untuk mengatasi masalah ini?
2. "Kelaparan bukan merupakan malapetaka semula jadi". Bincangkan kenyataan ini dengan mengemukakan sebab-sebab berlakunya kelaparan dan cara-cara mengatasinya.

(30 markah)

... 2/-

Bahagian III: Pilih dan jawab satu soalan sahaja.

3. Pekerja Sosial sering berdepan dengan masalah sosial, tetapi banyak masalah sosial kini 'di rawat' melalui perubatan moden. Bagaimanakah Pekerja Sosial Perubatan boleh menyesuaikan diri dan berfungsi dalam menghadapi keadaan sedemikian.
4. Pilih satu jenis penyakit berat. Apakah reaksi yang biasa dikemukakan oleh pesakit yang mengidap penyakit itu? Dengan mengandaikan adanya konflik antara Pekerja Sosial Perubatan dengan Pegawai Perubatan (Doktor), bagaimanakah caranya Pekerja Sosial perubatan boleh membantu pesakit dengan menggunakan pendekatan Kerja Sosial dan pendekatan antara disiplin.

(30 markah).

- oo000oo -